

<b>Headline</b>	<b>MySIGHT mudahkan kerja pendigitalan, kos murah</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Berita Harian</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Date</b>	<b>07 Mar 2019</b>	<b>Readership</b>	<b>209,955</b>
<b>Circulation</b>	<b>69,985</b>	<b>Page No</b>	<b>54</b>
<b>Section</b>	<b>Varsiti</b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>267 cm<sup>2</sup></b>		
<b>PR Value</b>	<b>RM 27,611</b>		



## MySIGHT mudahkan kerja pendigitalan, kos murah

**Putrajaya:** Bagi memudahkan kerja pendigitalan untuk tujuan pengesanan dan pengurusan aset, se-kumpulan pensyarah Sains Komputer di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) menghasilkan satu set perisian (aplikasi mudah alih dan web), *mySIGHT*.

Pengasasnya, Dr Badariah Solemon, berkata *mySIGHT* menyediakan perkhidmatan dengan harga yang murah kerana perisian menggunakan pekerja sedia ada berbanding pakar untuk pengumpulan data dan boleh digunakan dengan telefon pintar yang dimiliki oleh pekerja berbanding peranti khusus yang memerlukan kos

yang tinggi.

Beliau berkata, dengan menggunakan *mySIGHT*, anggaran kos pendigitalan bagi setiap aset akan menjadi murah dan anggaran jumlah penjimatan kos adalah besar.

### Pelanggan pertama


"*MySIGHT* disediakan dengan dua sistem pengendalian utama iaitu Android dan iOS dengan awalnya dibangunkan untuk mengurangkan kos pengumpulan data bagi Sistem Maklumat Geografi (GIS) sebuah syarikat utiliti di Malaysia.

"*MySIGHT* menggunakan pendekatan *crowdsourcing* dalam kalangan pekerja

dan juga orang awam itu adalah hasil penyelidikan yang dilakukan oleh se-kumpulan pensyarah Sains Komputer di UNITEN berbulan pada 2012," katanya.

Badariah berkata, pada 2017, prototaip penyelidikan itu dibeli oleh pelanggan pertama dengan *MySIGHT* kini digunakan untuk mengesan hampir 200,000 aset pelanggan berkenaan.

"Perisian ini dijangka membantu mengumpulkan baki 200,000 aset dalam masa terdekat, selain turut digunakan bagi menyokong pendigitalan aset, peralatan dan bangunan dengan mudah dan kos efektif," katanya.



**mySIGHT bertindak sebagai** satu set perisian (aplikasi mudah alih dan web) yang menyediakan kaedah memudahkan kerja pendigitalan untuk tujuan pengesanan dan pengurusan aset.



**Dr Badariah (tengah)** bersama-sama ahli kumpulannya, Raja Feniferina Raja Azman (kiri) dan Nik Muhamad Mirza yang menghasilkan aplikasi MySight.